

Ruj.Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2JLD.5(24)

Tarikh : 7 Ogos 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

**BAYARAN BANTUAN KHAS PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM DAN PESARA KERAJAAN
TANPA PERUNTUKAN TAHUN 2023 MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMAS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, **sekatan overbajet OS17000 akan dibuka mulai 7 Ogos 2023 (Isnin) sehingga 18 Ogos 2023 (Jumaat)** bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2) di iGFMAS. Sebagai peringatan, Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan pembayaran Bantuan Khas Penghargaan (BKP) disemak dengan teliti agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan bayaran BKP tersebut hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sila pastikan penggunaan kod akaun adalah betul dan tepat bagi pembayaran BKP ini dengan merujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 4 Tahun 2023 – Peraturan Bayaran Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023.
3. Sila nyatakan nombor rujukan buletin ini dan tarikh Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) di ruangan Perihal Bayaran semasa menyediakan Arahan Pembayaran (K2) iGFMAS ini. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**